

PENGENALAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM*

* berpandukan kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

1. PENDAHULUAN

Memberi maklumat dan pendedahan kepada Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' supaya memahami kaedah dan peraturan yang berhubungkait dengan bidang kuasa dan tanggungjawab Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'.

2. OBJEKTIF

- (a) Memberi kefahaman tentang peruntukan dalam Akta / Enakmen / Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam.
- (b) Menjadi garis panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- (c) Memudah dan melicinkan tugas

3. AKTA / ENAKMEN / ORDINAN

Suatu Akta / Enakmen / Ordinan bagi mengkanunkan peruntukan-peruntukan tertentu Undang-Undang Keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan berkeluarga.

4. TAKSIRAN

- "Akta" ertinya Undang-Undang yang diluluskan oleh Parlimen;
- 'Akta Pentadbiran' ertinya Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam;
- 'Anak dara' ertinya seorang perempuan yang belum pernah bersetubuh, sama ada sudah berkahwin atau belum;
- 'Baligh' ertinya umur baligh mengikut Hukum Syara;
- 'Balu' ertinya perempuan yang suaminya telah mati;
- 'Beristeri' ertinya mempunyai isteri atau isteri-isteri;
- 'Bermastautin' ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya tinggal dalam sesuatu kawasan yang tertentu;
- 'Darar Syarie' ertinya bahaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah atau harta benda, mengikut kebiasaan yang diakui oleh Hukum Syara';

- 'duda' ertinya lelaki yang isterinya telah mati;
- 'Enakmen' ertinya Undang-Undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri;
- 'Fasakh' ertinya pembubaran nikah disebabkan oleh sesuatu hal keadaan yang diharuskan oleh Hukum Syara' mengikut peruntukan di dalam Undang-Undang Keluarga Islam;
- 'Harta sepencarian' ertinya harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syara';
- 'Hukum Syara' ertinya Hukum Syara' mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali;
- 'iddah' ertinya tempoh menanti yang diwajibkan ke atas isteri yang diceraikan oleh suaminya atau yang suaminya telah mati;
- 'Janda' ertinya perempuan yang telah bernikah dan diceraikan setelah bersetubuh;
- 'Janda berhias' ertinya perempuan yang telah bernikah dan diceraikan sebelum bersetubuh;
- 'Kariah masjid' ertinya berhubungan dengan sesuatu masjid, ertinya kawasan sempadan yang ditetapkan di bawah Undang-Undang pentadbiran Islam;
- 'Kitabiyyah' ertinya
 - (a) seorang perempuan dari keturunan Bani Yaqub; atau
 - (b) seorang perempuan Nasrani dari keturunan orang-orang Nasrani
 - (c) seorang perempuan Yahudi dari keturunan orang-orang Yahudi sebelum Nabi Isa menjadi Rasul;
- 'Luar negeri' termasuk luar negara;
- 'Mahkamah' atau 'Mahkamah Syariah' ertinya Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
- 'Mahkamah Rayuan Syariah' ertinya Mahkamah Rayuan Syariah yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Pentadbiran Islam;
- 'Majlis' ertinya Majlis Agama Islam yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;

- 'Mas Khawin' ertinya pembayaran kahwin yang wajib dibayar di bawah Hukum Syara' oleh suami kepada isteri pada masa perkahwinan diakadnikahkan, sama ada berupa wang yang sebenarnya dibayar atau diakui sebagai hutang dengan atau tanpa cagaran, atau berupa sesuatu yang menurut Hukum Syara' dapat dinilai dengan wang;
- 'Mut'ah' ertinya bayaran saguhati yang diberi dari segi Hukum Syara' kepada isteri yang diceraikan.
- 'Nasab' ertinya keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah;
- 'Negeri' ertinya negeri-negeri di dalam Malaysia termasuklah Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya;
- 'Ordinan' ertinya Undang-Undang yang diluluskan oleh badan Perundangan Negeri Sarawak.
- 'Pemberian' ertinya pemberian sama ada dalam bentuk wang tunai atau harta benda yang diberikan oleh bakal suami atau suami kepada bakal isteri atau isteri pada masa pertunangan atau perkahwinan;
- 'Pendaftaran' ertinya Pendaftar Kanan Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' orang Islam yang dilantik di bawah Undang-Undang Keluarga Islam dan termasuk Pendaftar dan Penolong Pendaftar.
- 'Persetubuhan Syubhah' ertinya persetubuhan yang dilakukan di atas anggapan sah akad nikah akan tetapi sebenarnya akad itu tidak sah (fasid) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap dan termasuk mana-mana persetubuhan yang tidak dihukum Had dalam Islam;
- 'Ruju' ertinya perkembalian kepada nikah yang asal;
- 'Sesusuan' ertinya penyusuan bayi dengan perempuan yang bukan ibu kandungnya sekurang-kurangnya sebanyak lima kali yang mengenyangkan dalam masa umurnya dua tahun ke bawah;
- 'Ta'liq' ertinya lafaz perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut Hukum Syara' dan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam;
- 'Tak sahtaraf', berhubungan dengan seorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak daripada persetubuhan syubhah;
- 'Tempat lain' termasuk di luar kariah masjid atau dalam mana-mana negeri;
- 'Teruna' ertinya lelaki yang belum pernah berkahwin mengikut Hukum Syara';
- 'Thayyib' ertinya perempuan yang pernah bersetubuh;

- 'Wali' ertinya waris bagi seorang perempuan yang boleh mengahwinkannya mengikut Hukum Syara';
- 'Wali Mujbir' ertinya bapa atau datuk sebelah bapa dan ke atas;
- 'Wali Raja' ertinya wali yang ditauliahkan oleh Yang Di-Pertuan Agong, dalam hal Wilayah-Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, atau Raja, dalam hal sesuatu negeri lain, untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali dari nasab.

5. PERKAHWINAN

5.1 Orang yang boleh mengahwinkan perkahwinan

- Sesuatu perkahwinan hendaklah mengikut peruntukan
 - wali di hadapan Pendaftar
 - wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar
 - Pendaftar sebagai wakil wali
- Sesuatu perkahwinan yang melibatkan perempuan yang tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syara' perkahwinannya hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja/Hakim

5.2. Umur minimum untuk perkahwinan

Sesuatu perkahwinan tidak boleh diakadnikahkan jika lelaki berumur kurang daripada lapan belas tahun (18) atau perempuan berumur kurang dari enam belas tahun (16) kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenaran secara bertulis dalam keadaan tertentu.

5.3. Pertalian yang melarang perkahwinan

- 5.3.1. Tiada seseorang lelaki atau perempuan, oleh sebab nasab, boleh berkahwin dengan:
 - ibunya atau bapanya;
 - neneknya atau datuknya hingga ke atas sama ada dari sebelah bapanya atau dari sebelah ibunya;
 - anak perempuannya atau anak lelakinya dan cucu perempuannya atau cucu lelakinya hingga ke bawah;
 - saudara perempuannya atau saudara lelakinya seibu sebapa, saudara perempuannya atau saudara lelakinya sebapa, dan saudara perempuan atau saudara lelaki seibu;
 - anak perempuan atau anak lelaki kepada saudara lelaki atau saudara perempuannya hingga kebawah;
 - ibu saudara atau bapa saudara sebelah bapanya hingga ke atas; dan

(g) ibu saudara atau bapa saudara sebelah ibunya hingga ke atas.

5.3.2. Tiada seorang lelaki atau perempuan, oleh sebab pertalian kahwin, boleh berkahwin dengan:

(a) ibu mertuanya atau bapa mertuanya hingga ke atas;

(b) ibu tirinya atau bapa tirinya, iaitu isteri bapanya atau suami ibunya;

(c) nenek tirinya, iaitu isteri kepada datuknya atau datuk tirinya, iaitu suami kepada neneknya, sama ada dari sebelah bapa atau sebelah ibu;

(d) menantu perempuan atau menantu lakinya; dan;

(e) anak perempuan tirinya atau anak lelaki tirinya hingga ke bawah daripada isteri atau suami yang perkahwinan telah disatukan.

5.3.3. Seseorang lelaki atau perempuan, oleh sebab sesusuan, tidak boleh berkahwin dengan seseorang perempuan atau lelaki yang ada hubungan dengannya melalui penyusuan yang, jika hubungan itu adalah melalui kelahiran dan bukan melalui penyusuan, perempuan atau lelaki itu tetap dilarang berkahwin oleh sebab nasab atau pertalian kahwin.

5.3.4. Seseorang lelaki tidak boleh mempunyai dua orang isteri pada satu masa jika isteri-isteri itu mempunyai pertalian antara satu sama lain melalui nasab, pertalian kahwin, atau sesusuan yang perkahwinan antara mereka tidak sah mengikut Hukum Syara'.

6. PERKAHWINAN SESEORANG PEREMPUAN

6.1. Seseorang perempuan yang masih dalam perkahwinannya tidak boleh berkahwin dengan lelaki lain.

6.2. Jika perempuan itu seorang janda yang diceraikan secara talak raj'i tidak boleh berkahwin dengan lelaki lain selain daripada lelaki (suami) yang akhir dia telah bercerai pada bila-bila masa sebelum tamat 'iddahnya.

6.3. Jika perempuan itu seorang janda dia tidak boleh berkahwin kecuali dia telah mengemukakan:

(a) Sesuatu surat perakuan cerai yang sah yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa; atau

(b) Suatu salinan yang diperakui bagi catatan yang berkaitan dengan perceraian dalam daftar perceraian yang berkenaan; atau

(c) Suatu perakuan yang boleh diberi atas permohonannya selepas siasatan

yang wajar oleh Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana permohonan itu dibuat, yang bermaksud dia adalah seorang janda.

- 6.4. Jika perempuan itu seorang janda yang diceraikan secara bainunah kubra, iaitu talaq tiga, dia tidak boleh berkahwin semula dengan suaminya yang terakhir, melainkan dia:
 - (a) telah berkahwin dengan seorang lelaki lain secara sah;
 - (b) telah disetubuhi oleh lelaki itu;
 - (c) telah diceraikan secara sah; dan
 - (d) telah habis 'iddah
- 6.5. Jika perempuan itu mendakwa telah bercerai sebelum dia disetubuhi oleh suaminya dalam perkahwinan itu (janda berhias) dia boleh berkahwin setelah mendapat kebenaran daripada Hakim Syarie dengan mana-mana lelaki selain suaminya. Perkahwinan dengan bekas suaminya tidak perlu mendapat kebenaran daripada Hakim Syarie.
- 6.6. Jika perempuan itu seorang balu:
 - (a) Dia tidak boleh berkahwin dengan mana-mana lelaki lain pada bila-bila masa sebelum tamat 'iddahnya yang dikira mengikut Hukum Syara'; dan
 - (b) Dia tidak boleh berkahwin melainkan dia telah mengemukakan surat perakuan kematian suaminya atau dengan cara lain membuktikan kematian suaminya.

7. **PERTUNANGAN**

Jika seseorang telah mengikat suatu pertunangan mengikut Hukum Syara', sama ada secara lisan atau bertulis, dan sama ada secara bersendirian atau melalui seseorang perantaraan, dan kemudiannya enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi itu tanpa apa-apa sebab yang sah manakala pihak yang satu lagi itu bersetuju berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir adalah bertanggung memulangkan pemberian-pemberian pertunangan, jika ada, atau nilainya dan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh atau untuk pihak yang satu lagi dalam membuat persediaan bagi perkahwinan itu, dan yang demikian boleh dituntut melalui tindakan dalam mahkamah.

8. **PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN BERKAHWIN**

- 8.1. Sesuatu perkahwinan yang dicadangkan, hendaklah memohon kepada Pendaftar dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- 8.2. Jika pihak lelaki bermastautin di kariah masjid yang berlainan daripada kariah masjid pihak perempuan, atau bermastautin di mana-man negeri, permohonannya hendaklah mengandungi atau disertai dengan kenyataan Pendaftar bagi kariah

masjidnya atau oleh pihak berkuasa negeri.

- 8.3. Permohonan tiap-tiap satu pihak hendaklah disampaikan kepada Pendaftar sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh pernikahan, tetapi pendaftar boleh membenarkan masa yang lebih singkat dalam mana-mana kes tertentu..

9. **KEBENARAN SEBELUM AKAD NIKAH**

Sesuatu perkahwinan tidak boleh diakadnikahkan melainkan dengan kebenaran berkahwin oleh:

- (a) Pendaftar setelah berpuas hati tentang kebenaran perkara-perkara yang disebut dalam permohonan;
- (b) Hakim Syarie dalam kes-kes yang melibatkan perkahwinan di bawah umur, janda yang belum disetubuhi (janda berhias) perempuan yang tidak mempunyai wali nasab, wali ghaib atau wali enggan;
- (c) Pihak berkuasa negeri di mana perempuan itu bermastautin.

10. **TEMPAT PERKAHWINAN**

Sesuatu perkahwinan tidak boleh diakadnikahkan kecuali dalam kariah masjid dimana pihak perempuan bermastautin, tetapi Pendaftar atau Hakim Syarie boleh memberi kebenaran berkahwin di tempat lain atau dalam mana-mana negeri.

11. **MAS KAHWIN DAN PEMBERIAN**

- 11.1. Mas kahwin hendaklah dibayar oleh pihak lelaki atau wakilnya di hadapan orang yang mengadnikahkan perkahwinan itu dan sekurang-kurangnya disaksikan dua orang lain.
- 11.2. Pendaftar hendaklah menentu dan merekodkan perkahwinan yang hendak didaftarkan olehnya;
- (a) Nilai dan butir-butir lain mas kahwin;
 - (b) Nilai dan butir-butir lain pemberian;
 - (c) Nilai dan butir-butir lain apa-apa bahagian mas kahwin atau pemberian atau kedua-duanya yang telah dijanjikan tetapi tidak dijelaskan pada masa akad nikah itu, dan tarikh yang dijanjikan untuk penjelasan; dan
 - (d) Butir-butir cagaran yang diberi bagi menjelaskan mas kahwin

12. LAFAZ TA'LIQ

Pendaftar hendaklah mencatat butir-butir yang ditetapkan di dalam borang ta'liq dan memastikan pihak-pihak menandatangani borang ta'liq tersebut.

13. BAYARAN PENDAFTARAN NIKAH

Bayaran pendaftaran nikah adalah mengikut ketetapan yang dibuat oleh negeri-negeri

PRINSIP ASAS MUNAKAHAT

1. TAKRIF NIKAH

- (a) Dari segi bahasa: Himpunan, kumpulan dan cantum
- (b) Dari segi istilah: Suatu perjanjian (akad) yang menghalalkan pergaulan antara lelaki dan wanita yang diharuskan berkahwin menurut Hukum Syara'.

2. MATLAMAT NIKAH

Untuk mencapai kebahagiaan hidup berkeluarga yang berkekalan dan mendapat rahmat serta keredhaan Allah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syara'.

3. HIKMAH NIKAH

- (a) Memenuhi tuntutan agama
- (b) Memelihara kesucian keturunan
- (c) Memelihara diri daripada melakukan perkara yang haram
- (d) Melahirkan modal insan yang berkualiti
- (e) Membentuk keluarga dan menyusun masyarakat
- (f) Menghubungkan silaturahim

4. HUKUM NIKAH

- (a) Harus – Hukum asal
- (b) Sunat – Bagi orang yang cukup segala syarat
- (c) Wajib – Bagi orang yang cukup segala syarat dan jika tidak berkahwin akan melakukan maksiat
- (d) Makruh – Bagi orang yang belum cukup syarat dan tidak berkemampuan
- (e) Haram – Orang berkahwin dengan tujuan untuk menganiayai orang lain atau membalas dendam

5. RUKUN NIKAH

- (a) Lelaki – calon suami
- (b) Perempuan – Calon isteri
- (c) Wali
- (d) Dua orang saksi (lelaki)

- (e) Sighah (ijab dan qabul)

6. SYARAT BAGI LELAKI

- (a) Islam
- (b) Bukan mahram dengan bakal isterinya
- (c) Bukan dalam ihram
- (d) Tertentu orangnya
- (e) Berkemampuan zahir dan batin
- (f) Tidak beristeri empat
- (g) Tidak dipaksa

7. SYARAT BAGI PEREMPUAN

- (a) Islam
- (b) Bukan mahram dengan bakal suaminya
- (c) Bukan dalam Ihram
- (d) Tertentu orangnya
- (e) Bukan isteri orang
- (f) Bukan dalam iddah

8. SYARAT WALI

- (a) Islam
- (b) Lelaki
- (c) Baligh
- (d) Berakal
- (e) Merdeka
- (f) Adil (tidak fasiq)
- (g) Tidak dipaksa
- (h) Bukan dalam ihram
- (i) Bukan dungu/safih

9. SYARAT DUA ORANG SAKSI

- (a) Islam
- (b) Lelaki
- (c) Baligh
- (d) Berakal
- (e) Merdeka
- (f) Adil (tidak fasiq)
- (g) Mendengar
- (h) Melihat
- (i) Tidak bisu
- (j) Memahami maksud ijab dan qabul
- (k) Ingatan yang baik

10. SYARAT IJAB DAN QABUL

- (a) Berturutan di antara lafaz ijab dan qabul
- (b) Jelas sebutan ijab dan qabul
- (c) Didengar oleh dua orang saksi yang memahami maksud ijab dan qabul
- (d) Disebut nama perempuan dengan khusus (ijab)
- (e) Tidak berta'liq/bersyarat (tempoh yang tertentu)

- (f) Tidak diselangi masa panjang antara ijab dan qabul mengikut uruf
- (g) Menggunakan perkataan 'nikah' semasa ijab dan qabul atau yang membawa makna yang sama

11. TAKRIF WALI

- (a) Menurut bahasa
Kesanggupan bertindak, mengurus atau kekuasaan mentadbir sesuatu
- (b) Menurut istilah:
Orang yang memiliki atau diberikan kuasa syara' untuk mengakad nikah

12. KATEGORI WALI

- (a) Wali Nasab - Wali mujbir
 - Wali aqrab
 - Wali ab'ad
- (b) Wali Raja/Wali Sultan/Wali Hakim/Wali Am
- (c) Wali Tahkim

13. TAKRIF WALI MENGIKUT KATEGORI

a) **Wali Nasab**

Orang yang memiliki kuasa syara' untuk mengakadnikahkan perempuan daripada keturuannya yang berasaskan pertalian darah yang sah

b) **Wali Mujbir**

Bapa atau datuk sebelah bapa dan ke atas

c) **Wali Aqrab**

Wali yang paling dekat hubungannya dengan bakal pengantin perempuan mengikut susunan wali

d) **Wali Ab'ad**

Wali yang jauh hubungannya dengan bakal pengantin perempuan mengikut susunan wali

e) **Wali Raja/Wali Sultan/Wali Hakim/Wali Am**

Wali yang ditauliahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong atau DYMM Sultan atau Raja untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali nasab, wali ghaib atau walinya enggan mengahwinkannya tanpa suatu sebab yang munasabah mengikut Hukum Syara'

f) **Wali Tahkim***

Seorang yang dilantik oleh pasangan pengantin untuk menjalankan akad nikah di tempat yang tiada wali nasab dan tiada Wali Raja/Wali Sultan/Wali Hakim/Wali Am dengan syarat-syarat tertentu

** Catatan: Dalam konteks Malaysia, perkara ini tidak terpakai.*

14. SUSUNAN WALI

- (a) Baba Kandung
- (b) Datuk sebelah bapa ke atas
- (c) Saudara lelaki seibu sebapa
- (d) Saudara lelaki sebapa
- (e) Anak saudara lelaki seibu sebapa
- (f) Anak saudara lelaki sebapa
- (g) Anak lelaki kepada anak saudara lelaki seibu sebapa
- (h) Anak lelaki kepada anak saudara lelaki sebapa
- (i) Baba saudara sebelah bapa seibu sebapa
- (j) Baba saudara sebelah bapa sebapa
- (k) Datuk saudara sebelah bapa seibu sebapa dengan datuknya
- (l) Datuk saudara sebelah bapa sebapa dengan datuknya
- (m) Moyang saudara sebelah bapa seibu sebapa dengan moyangnya
- (n) Moyang saudara sebelah bapa sebapa dengan moyangnya
- (o) Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa (sepupu lelaki)
- (p) Anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa (sepupu lelaki)
- (q) Cucu lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa
- (r) Cucu lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa
- (s) Anak datuk saudara sebelah bapa seibu sebapa dengan datuknya
- (t) Anak datuk saudara sebelah bapa sebapa dengan datuknya
- (u) Wali Halim/Wali Raja/Wali Sultan

15. SEBAB-SEBAB PERPINDAHAN WALI AQRAB KEPADA WALI AB'AD

- (a) Wali aqrab kafir atau fasiq
- (b) Wali aqrab belum baligh
- (c) Wali aqrab pitam atau koma selama satu hari atau lebih
- (d) Wali aqrab gila
- (e) Wali aqrab dungu/safih

16. SEBAB-SEBAB PERPINDAHAN WALI NASAB KEPADA WALI HAKIM

- (a) Wali aqrab dalam ihram haji/umrah
- (b) Tidak mempunyai wali nasab
- (c) Wali aqrab sengaja enggan
- (d) Anak tidak sah taraf
- (e) Saudara baru yang tiada wali nasab
- (f) Wali aqrab hendak berkahwin dengan pemohon yang tiada wali setaraf
- (g) Wali ghaib (hilang) yang tidak dapat dikesan
- (h) Wali nasab berada jauh lebih daripada dua marhalah (93 km)

17. TAKRIF TALAQ

- (a) Dari segi bahasa:
Melepaskan ikatan perkahwinan
- (b) Dari segi istilah:
Melepaskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz cerai, talaq atau seumpamanya oleh suami kepada isteri

18. BENTUK LAFAZ TALAQ

(a) Secara Sarih:

Iaitu lafaz yang jelas menunjukkan cerai seperti:
“Aku ceraikan kamu”.

(b) Secara Kinayah:

Iaitu lafaz secara sindiran atau kiasan seperti:
“Baliklah ke rumah emak dan ayah kamu”.

19. HUKUM TALAQ

(a) **Wajib**

- i) Bila berlaku syiqaq di antara suami isteri yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses hakam oleh Mahkamah.
- ii) Bila suami melafazkan ila' kepada isterinya dan suami masih tetap dengan sumpahnya selepas tamat tempoh empat bulan (tertakluk kepada syarat-syarat tertentu)
- iii) Bila suami tidak mampu (lemah) menyempurnakan hak isteri

(b) **Sunat**

Apabila isterinya berakhlak buruk yang melebihi adat

(c) **Makruh**

Apabila suami menceraikan isteri yang berkelakuan baik atau menceraikan isteri tanpa sebab

(d) **Harus**

Apabila suami tiada keinginan terhadap isteri atau apabila isteri tidak membenarkan suami membayar maskahwin untuk bersama dengannya.

(e) **Haram**

Apabila suami menceraikan isteri dalam keadaan haid atau dalam masa suci sebaik sahaja selepas disetubuhi (dikhuatiri isteri tadi mengandung) atau untuk menghalang isteri daripada mendapat harta pusaka atau isteri yang belum disempurnakan gilirannya.

Sekiranya suami melafazkan talaq dalam keadaan-keadaan di atas, talaq tetap jatuh (sah) manakala perbuatannya adalah haram dan berdosa.

20. PEMBUBARAN PERNIKAHAN

(a) **Talaq**

Melepaskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz cerai, talaq atau seumpamanya oleh suami kepada isteri.

(b) **Ta'liq**

Suami mengaitkan talaq dengan sesuatu syarat yang telah ditetapkan dengan menggunakan perkataan syarat atau ta'liq seperti kata suami kepada isteri, "Sekiranya engkau pulang ke rumah ibu bapa engkau, akan tercerailah engkau".

(c) **Khuluk** (tebus talaq)

Perceraian yang diminta oleh isteri daripada suami dengan memberikan wang atau harta benda kepada suami sebagai bayaran ganti rugi untuk menebus dirinya (isteri).

(d) **Fasakh**

Pembubaran perkahwinan disebabkan oleh sesuatu keadaan yang diharuskan oleh Hukum Syara dengan kuasa Mahkamah samada dikemukakan oleh suami atau isteri.

(e) **Li'an**

Tuduhan suami kepada isteri melakukan zina (jika dia mengetahui isterinya telah berzina atau mempunyai sangkaan yang kuat bahawa isterinya berzina)

21. **JENIS TALAQ**

21.1. Talaq raj'i – Talaq yang suami dapat merujuk kembali kepada bekas isterinya dalam tempoh 'iddah tanpa memerlukan akad serta mahar yang baru.

21.2. Talaq bain – terbahagi kepada dua iaitu:

(a) Bain Sughra

Talaq yang suami tidak boleh rujuk kembali kepada bekas isterinya melainkan dengan kad perkahwinan dan mahar yang baru.

(b) Bain Kubra

i) Talaq dengan li'an

Terputus hubungan suami isteri selama-lamanya

ii) Talaq yang dijatuhkan sebanyak tiga kali (secara berasingan atau tiga kali sekaligus). Suami dilarang berkahwin semula dengan bekas isterinya melainkan bekas isterinya telah berkahwin dengan lelaki lain (dengan pernikahan yang sah dan telah disetubuhi) kemudian diceraikan dan telah tamat tempoh 'iddahnya.

22. **ZIHAR**

Iaitu lafaz suami yang menyamakan mana-mana anggota zahir isteri dengan fanggota wanita yang mahram muabbad kepada suami.

Lafaz zihar terbahagi kepada dua:

(a) Lafaz sarih (jelas): Lafaz yang menunjukkan kepada maksud zihar sahaja dan tidak boleh diandaikan kepada maksud yang lain. Lafaz sarih ini tidak memerlukan kepada niat selagi mana seorang suami itu waras dan memahami apa yang dikatakannya.

- (b) Lafaz kinayah (kiasan): Lafaz yang boleh diandaikan sebagai zihar dan boleh juga diandaikan sebagai bukan zihar. Sekiranya diniatkan zihar maka lafaz tersebut menjadi zihar dan sebaliknya jika diniatkan sebagai bukan zihar.
- Contoh: suami berkata kepada isterinya, “Engkau seperti ibuku dan adik perempuanku”.

23. **KAFFARAH ZIHAR**

Sebelum suami kembali bersama semula dengan isterinya (bersetubuh) suami hendaklah menyempurnakan kaffarah zihar mengikut tertib kemampuan seperti berikut:

- (a) Memerdekakan seorang hamba mukmin yang tidak cacat; jika tidak mampu
- (b) Berpuasa dua bulan berturut-turut; jika tidak mampu
- (c) Memberi makan 60 orang miskin (secupak setiap seorang makanan awiasi kawasan tersebut).

24. **ILA'**

Iaitu sumpah syarie seorang suami untuk tidak melakukan persetubuhan dengan isterinya lebih daripada empat bulan atau tidak disebutkan tempoh masa.

Jika tempoh 4 bulan telah tamat, dan suami masih tetap dengan sumpahnya, beliau dianggap telah memudaratkan isterinya. Pada ketika itu, dengan tuntutan daripada pihak isteri. Hakim berhak mengambil salah satu daripada tindakan berikut:

- (a) Memaksa suami menarik balik sumpahnya dan kembali semula kepada isterinya setelah membayar kaffarah ila'.
- (b) Memaksa suami menceraikan isterinya jika dia enggan menarik balik sumpahnya dan tetap berpegang dengan sumpahnya.

25. **KAFFARAH ILA'**

Sebelum bersetubuh dengan isteri, suami hendaklah menyempurnakan salah satu perkara di bawah sebagai kaffarah;

- (a) Memberi makan kepada 10 orang fakir miskin; atau
- (b) Memberi pakaian kepada 10 orang fakir miskin; atau
- (c) Memerdekakan seorang hamba muslim; atau
- (d) Berpuasa selama 3 hari (sekiranya tidak mampu melakukan tiga perkara di atas)

26. **RUJU'**

Iaitu mengembalikan isteri yang ditalaq raj'i kepada ikatan perkahwinan semasa tempoh 'iddah dengan lafaz tertentu seperti: 'Aku ruju' akan dikau kepada nikahku yang dahulu.

27. **'IDDAH**

Iaitu tempoh menunggu bagi isteri yang diceraikan atau kematian suami sebelum dibolehkan berkahwin dengan lelaki lain sebagai tanda pengabdian diri kepada Allah; atau berkahwin kerana berpisah dengan suami; atau untuk memastikan isteri tidak mengandung anak bekas suaminya.

CATATAN

Bagi seorang suami yang beristeri empat dan telah menceraikan salah seorang isterinya, dia hendaklah menunggu sehingga tamat tempoh 'iddah isteri yang diceraikan sebelum berkahwin lagi.

28. **JENIS 'IDDAH DAN TEMPOH 'IDDAH**

(a) Isteri yang masih mempunyai haid

- * 3 kali suci

Jika ditalaq semasa suci dan tidak disetubuhi, tempoh 'iddahnya adalah apabila datang haid yang ketiga. Jika ditalaq semasa suci dan disetubuhi/semasa haid, tempoh 'iddahnya adalah apabila datang haid yang keempat.

(b) Telah putus haid/belum pernah haid

- * 3 bulan

(c) Sedang hamil

- * Melahirkan kandungan atau keguguran

(d) Kematian suami

- * 4 bulan 10 hari

RUJUKAN

Matla' u Al-Badrain wa Majma' u Al-Bahrain (terjemahan), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, 1993.

Abdul Aziz Muhammad Azam, Al-Ahwal Al-Syakhsiah, Al-Talak fi Al-Syariah Al-Islamiyyah baina Al-Nazariyyah wa Al-Tatbiq, Matba'ati Al-Amanah, 1978.

Mustafa Al-Khin, Dr. Mustafa Al-Bagha dan Ali Al-Syarbaji, Al-Fiqh Al-Manhaji (terjemahan), Pustaka Salam, 2002

Shamsuddin Muhammad bin Muhammad Al-Khatib Al-Syirbini, Mughni Al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Al-Alfazi Al-Minhaj, dar Al-Kutub Al-Ilmiah, Beirut, 1994.

Shamsuddin Muhammad bin Muhammad Al-Syirbani Al-Khatib, Al-Iqna' fi fHalli Alfazi Abi Syuja, Halabi, 1940.

GARIS PANDUAN PENGURUSAN NIKAH

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini menggariskan peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh Ketua Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Pendaftar Kanan, Pendaftar dan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' seluruh Malaysia dalam melaksanakan akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri mengenai urusan pernikahan.

2. OBJEKTIF

- (a) Menyelaras peraturan-peraturan pernikahan yang dilaksanakan oleh negeri-negeri
- (b) Menyediakan satu garis panduan bertulis bagi memudahkan pelaksanaan pertauran-peraturan pernikahan.
- (c) Mengatasi masalah dan kekeliruan yang berlaku di antara negeri-negeri berhubung dengan pernikahan.
- (d) Memudahkan urusan pernikahan sesuai dengan konsep 'permudahkan dan jangan menyusahkan'.

3. PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN

3.1. Hadir Kursus Praperkahwinan Islam

Pemohon hendaklah menghadiri Kursus Praperkahwinan Islam yang berasaskan kepada Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri atau organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan telah memiliki Sijil Kebenaran Menganjurkan Kursus Praperkahwinan Islam daripada Jabatan Agama Islam Negeri.

3.2. Borang Permohonan Berkahwin

3.2.1. Penolong Pendaftar hendaklah menyemak dan mengesahkan borang permohonan yang dikemukakan oleh pemohon.

3.2.2. Perkara-perkara yang perlu disemak:

- a. Tertib wali
- b. Umur pemohon
- c. Status permastautinan
- d. Status pasangan (tiada halangan dari segi hukum syara' dan undang-undang negara)
- e. Dokumen-dokumen lampiran seperti dalam Perkara 3.3. dan 3.4

3.2.3. Borang yang telah disahkan hendaklah ditandatangani dan diserahkan kepada pemohon untuk dikemukakan ke Pejabat Agama Daerah atau Pejabat Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' di mana pemohon bermastautin.

3.3. Kebenaran Berkahwin Bagi Lelaki

- (a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan yang telah disahkan;
- (b) Sijil Kursus Peraperkahwinan MBKPI dan salinan yang telah disahkan;
- (c) Surat pengesahan bujang yang dikeluarkan oleh majikan pemohon atau surat akaun sumpah bujang yang mempunyai tempoh sahlaku tiga (3) bulan sekiranya pemohon tidak mempunyai majikan;
- (d) Surat Perakuan Cerai (jika ada)
- (e) Salinan sijil kematian isteri yang telah disahkan beserta Surat Nikah/Sijil Perakuan Nikah pasangan (jika berkaitan);
- (f) Surat akuan pemastautin bagi pemohon yang berlainan alamat dalam kad pengenalan oleh Imam Kariah/Pengerusi JKKK/Ketua Kampung/Pengerusi Jawatankuasa Penduduk/Taman Perumahan (jika berkaitan).
- (g) Surat/Kad Perakuan Memeluk Islam jika status agama dalam Mykad belum ditukar kepada Agama Islam (jika berkaitan);
- (h) Surat Kebenaran Berkahwin daripada majikan jika anggota Polis dan Tentera;
- (i) Pasport dan salinan yang disahkan serta surat daripada Kedutaan (jika warganegara asing);
- (j) Melampirkan Borang Permohonan Pengesahan Pas Bagi tujuan Perkahwinan yang dikeluarkan dan disahkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (jika warganegara asing);
- (k) Surat pengesahan dokumen daripada Jabatan Pendaftaran Negara bagi penduduk tetap dan pemastautin sementara;
- (l) Surat kebenaran berkahwin dari Mahkamah Syariah (jika kes poligami dan bawah umur);
- (n) Laporan ujian saringan HIV pemohon. Laporan ini hanya sah laku dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh ujian dijalankan (bagi negeri-negeri yang berkaitan);

3.4. Kebenaran Berkahwin Bagi Perempuan

Penolong Pendaftar hendaklah menyemak Borang Permohonan Berkahwin yang telah dilengkapi beserta dokumen-dokumen sokongan seperti berikut;

- (a) Kad Pengenalan pemohon dan salinan yang telah disahkan.
- (b) Sijil Kursus Praperkahwinan MBKPI dan salinan yang telah disahkan;
- (c) Salinan kad pengenalan wali dan dua (2) orang saksi yang telah disahkan;
- (d) Surat Kebenaran Berkahwin pihak lelaki yang telah dikeluarkan oleh Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, dan Ruju' bagi daerah/negeri di mana dia bermastautin (jika berlainan daerah/negeri);
- (e) Salinan Surat Nikah/Surat Perakuan Nikah ibu bapa yang telah disahkan dan Sijil Kelahiran pemohon yang telah disahkan (jika bapa menjadi wali) atau Salinan Sijil Kelahiran abang pertama yang telah disahkan dan Sijil Kelahiran pemohon yang telah disahkan (jika abang pertama menjadi wali)
- (f) Salinan Surat Perakuan Mati wali yang telah disahkan (jika berkaitan);
- (g) Surat Perakuan Cerai (jika janda);
- (h) Salinan Surat Perakuan Mati suami yang telah disahkan beserta surat Nikah/Surat Perakuan Nikah Pasangan (jika berkaitan);
- (i) Perintah Anggapan Mati (jika berkaitan);
- (j) Surat akuan pemastautin bagi pemohon yang berlainan alamat dalam kad pengenalan oleh Imam Kariah/Pengerusi JKKK/Ketua Kampung/Pengerusi Jawatankuasa Penduduk/Taman Perumahan (jika berkaitan);
- (k) Surat/Kad Perakuan Memeluk Islam jika status agama dalam Mykad belum ditukar kepada Agama Islam (jika berkaitan);
- (l) Surat Kebenaran Berkahwin daripada majikan jika anggota Polis atau Tentera.
- (m) Pasport dan salinan yang telah disahkan beserta surat daripada Kedutaan (jika warganegara asing);
- (n) Melampirkan Borang Permohonan Pengesahan Pas Bagi Tujuan Perkahwinan yang dikeluarkan dan disahkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (jika warganegara asing);
- (o) Surat pengesahan dokumen daripada Jabatan Pendaftaran Negara bagi penduduk tetap dan pemastautin sementara;
- (p) Pensabitan/Perintah Mahkamah Syariah (bagi kes berkaitan wali hakim, bawah umur dan janda berhias);
- (q) Perintah pembubaran perkahwinan mengikut Hukum Syara' dari Mahkamah Syariah atau dikri perceraian dari Mahkamah Tinggi Sivil (bagi saudara baru yang telah berkahwin sebelum memeluk Agama Islam);

- (r) Pengesahan daripada Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’;
- (s) Laporan ujian saringan HIV Pemohon. Laporan ini hanya sah laku dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh ujian dijalankan (bagi negeri-negeri yang berkaitan);
- (t) Borang Permohonan Kad Perakuan Nikah (bagi negeri-negeri yang berkaitan);

3.5. Penyerahan Surat Kebenaran Berkahwin

- (a) Pemohon lelaki daripada daerah/negeri yang berlainan, hendaklah menyerahkan Surat Kebenaran Berkahwin dari daerah/negerinya kepada pihak perempuan.
- (b) Selepas itu, pemohon perempuan hendaklah menyerahkan Surat Kebenaran Berkahwin daripada pihak lelaki beserta permohonannya kepada Pejabat Agama/Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ di daerah/negeri di mana pemohon perempuan bermastautin
- (c) Surat Kebenaran Berkahwin kemudiannya di serahkan kepada Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ di mana pemohon perempuan bermastautin beserta dengan tarikh dan tempat akad nikah yang telah ditentukan.

4. MAJLIS AKAD NIKAH

Majlis akad nikah yang dijalankan hendaklah menepati Hukum Syara’ seperti menutup aurat.

4.1. Semakan dokumen

Sebelum majlis akad nikah, Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan ruju’ hendaklah menyemak dokumen berikut:

- (a) Surat Kebenaran Berkahwin
- (b) Borang/surat Keizinan Perempuan
- (c) Borang Wakalah Wali (jika berkaitan);
- (d) Borang Catatan Nikah/Borang Pendaftaran Nikah
- (e) Memohon izin daripada perempuan dan penerimaan oleh wali
- (f) Wakalah wali (jika berkaitan)

4.2. Penolong Pendaftar hendaklah memastikan kehadiran/kesahihan individu-individu berikut:-

- (a) Pengantin lelaki;
- (b) Pengantin perempuan;
- (c) Wali dan tertib wali/Borang Wakalah Wali;
- (d) Dua orang saksi akad nikah

- 4.3. Semasa Majlis Akad Nikah Penolong Pendaftar hendaklah melakukan perkara-perkara berikut:
- (a) Memberi penjelasan mengenai lafaz akad nikah dan tanggungjawab saksi
 - (b) Memulakan majlis dengan bacaan istighfar, syahadah dan selawat.
 - (c) Khutbah nikah
 - (d) Lafaz akad nikah
 - (e) Doa
 - (f) Ta'liq
 - (g) Serahan mahar (jika tunai)
 - (h) Serahan bayaran pendaftaran dan suguhati nikah
 - (i) Serahan dokumen/surat nikah sementara
- 4.4. Adab Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' semasa Majlis Akad
(Rujuk Bab 5: Adab Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju')

5. PENDAFTARAN NIKAH

- 5.1. Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' hendaklah menyerahkan Borang Catatan Nikah/Borang Pendaftaran Nikah ke Pejabat Agama Daerah dengan seberapa segera, tetapi tidak melebihi tiga puluh (30) hari selepas akad nikah.
- 5.2. Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' hendaklah memaklumkan kepada pasangan suami isteri supaya mengambil Surat Nikah/surat Perakuan Nikah di Pejabat Agama Daerah pada suatu tarikh yang telah ditetapkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas didaftarkan.

6. BAYARAN PENOLONG PENDAFTAR DAN SAKSI

(a) Penolong Pendaftar	=	RM80.00
(b) Dua Orang Saksi	=	RM40.00
JUMLAH	=	RM120.00

- Bayaran kepada Penolong Pendaftar dan saksi tertakluk kepada amalan sesebuah negeri.

**BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
PENOLONG PENDAFTAR PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN
RUJU’/ JURUNIKAH/IMAM JURUNIKAH**

1. PENDAHULUAN

Peraturan ini disediakan bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan tugas dan tanggungjawab mengenai urusan pernikahan yang akan dilaksanakan oleh Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan ruju’ di seluruh Malaysia.

2. OBJEKTIF

- (a) Menyelaraskan dan menyeragamkan pelaksanaan urusan nikah di seluruh Malaysia
- (b) Menjadi garis panduan bagi digunakan di negeri-negeri seluruh Malaysia
- (c) Memudahkan urusan pernikahan di negeri-negeri seluruh Malaysia.

3. DEFINISI

- ‘Jabatan’ ertinya Jabatan Agama Islam Negeri
- ‘Majlis’ ertinya Majlis Agama Islam Negeri yang ditubuhkan di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam.
- ‘Ketua Pendaftar’ ertinya seorang Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ orang Islam yang dilantik di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam.
- ‘Pendaftar’ ertinya Pendaftar Kanan Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ orang Islam yang dilantik di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam dan termasuk Penolong Pendaftar.

4. PELANTIKAN PENOLONG PENDAFTAR PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU’

- 4.1. Pelantikan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ dibuat mengikut peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam.
- 4.2. Pelantikan Penolong Pendaftar perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ adalah berasaskan kekosongan jawatan di mana-mana kariah masjid yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri.
- 4.3. Pelantikan dibuat melalui borang permohonan yang dikemukakan kepada Ketua Pendaftar melalui Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’
- 4.4. Pemohon yang terpilih sebagai Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ dibenarkan menjalankan tugas setelah mendapat tauliah pelantikan dari Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Raja di negeri-negeri.

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 5.1. Syarat-syarat kelayakan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' adalah seperti berikut:
- (a) Lelaki beragama Islam, berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan bermazhab Syafie;
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak melebihi 65 tahun;
 - (c) Sihat tubuh badan dan tidak mengalami penyakit-penyaki yang menjejaskan tugas;
 - (d) Sempurna pendengaran dan penglihatan;
 - (e) Tinggal tetap di kawasan di mana tauliah tersebut dipohon;
 - (f) Berhemak tinggi, berakhlak mulia, disenangi dan sentiasa menjadi contoh kepada masyarakat setempat;
 - (g) Tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah di mana-mana Mahkamah di Malaysia atau di isytiharkan muflis.
 - (h) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Menengah Agama/Sijil Rendah Pelajaran/Penilaian Menengah Rendah atau yang setaraf dengannya;
 - (i) Boleh membaca dan menulis jawi dan rumi dengan baik;
 - (j) Mengetahui hukum Fiqh terutamanya dalam bab Munakahat;
 - (k) Boleh membaca Al-Quran dengan baik; dan
 - (l) Lulus ujian kelayakan yang ditetapkan

6. **BIDANG KUASA DI BAWAH PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

- 6.1. Bertanggungjawab dalam urusan pernikahan bagi pemastautin yang hendak bernikah di dalam atau di luar kawasan kariahnya.
- 6.2. Mengesahkan butiran borang permohonan pernikahan yang telah diisi oleh pemohon di dalam kawasanya sebelum dikemukakan kepada Pendaftar.
- 6.3. Menjalankan upacara akad nikah setelah mendapat kebenaran daripada Pendaftar

7. **BIDANG TUGAS PENOLONG PENDAFTAR PERKAHWINAN PERCERAIAN DAN RUJU'**

- 7.1. Bertanggungjawab memberi nasihat, pandangan dan tunjuk ajar kepada mana-mana orang atau pasangan suami isteri atau keluarga di dalam kawasanya berhubung hukum hakam dan masalah rumahtangga.
- 7.2. Bekerjasama dengan Penghulu atau Ketua Kampung atau Imam untuk mencari jalan bagi menyelesaikan aduan, permasalahan yang dikemukakan kepadanya oleh pengadu.
- 7.3. Menyediakan suatu daftar nikah untuk mendaftarkan setiap pernikahan yang disempurnakan olehnya bagi diajukan kepada Pendaftar setiap akhir bulan.
- 7.4. Mempamerkan tauliah jurunikah

- 7.5. Bertanggungjawab memberitahu kepada Pendaftar sekiranya berlaku keuzuran yang menghalangnya daripada melaksanakan tugas
- 7.6. Bertanggungjawab memberitahu sekiranya dia ingin meletakkan jawatan
- 7.7. Mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Pendaftar untuk keluar dari kariah/daerah/negeri melebihi tujuh (7) hari.
- 7.8. Mengemukakan surat permohonan untuk menyambung tauliah dengan melampirkan tauliah asal kepada Pendaftar, tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh
- 7.9. Mengemukakan dokumen pernikahan yang telah disempurnakan kepada Pendaftar dengan kadar segera dan tidak lewat daripada tempoh tiga puluh (30) hari
- 7.10. Hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar dengan kadar yang segera sekiranya wujud keraguan dalam majlis akad nikah.

8. **KESAN PELANGGARAN UNDANG-UNDANG**

Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' yang didapati melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang atau peraturan-peraturan yang telah ditetapkan boleh diambil tindakan seperti berikut;

- (a) Diberi nasihat atau amaran;
- (b) Dikenakan tindakan digantung daripada tugas (untuk tujuan siasatan);
- (c) Tindakan undang-undang (pendakwaan di mahkamah); dan
- (d) Tauliah dibatalkan.

9. **PENAMATAN PELANTIKAN**

Pelantikan seseorang Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' boleh ditamatkan atau ditarik balik oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri sekiranya didapati.

- 9.1. Disabitkan dengan kesalahan jenayah di mana-mana Mahkamah di Malaysia
- 9.2. Tidak membuat permohonan untuk menyambung perkhidmatan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh perkhidmatan
- 9.3. Telah didapati tidak berupaya dari segi kesihatan fizikal dan mental setelah disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan
- 9.4. Telah melakukan perbuatan yang tidak sejajar dengan akhlak dan etika sebagai Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'
- 9.5. Telah berumur 65 tahun dan tidak diperakui untuk disambung perkhidmatan oleh majlis Agama Islam Negeri.

ADAB PENOLONG PENDAFTAR PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU'/JURUNIKAH/IMAM JURUNIKAH

1. Adab Penolong Pendaftar perkahwinan, Perceraian dan Ruju' ini disediakan sebagai garis panduan kepada semua Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' dalam mengendalikan urusan pernikahan di Malaysia dan luar negara. Adad ini menjelaskan tentang perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' sebelum, semasa dan selepas majlis akad nikah dengan memberi penekanan dalam soal sikap, penampilan diri, disiplin diri dan cara berkomunikasi dalam mengendalikan majlis tersebut.

2. OBJEKTIF

- (a) Menyelaras dan menyeragamkan tata kelakuan atau etika yang perlu ada bagi setiap Penolong Pendaftar ke arah mempertingkatkan imej dan lebih profesional dalam menjalankan tugas.
- (b) Memberi garis panduan dan memudahkan Penolong Pendaftar dalam menjalankan tugas.
- (c) Melahirkan Penolong Pendaftar yang berwibawa, berdisiplin dan dihormati oleh masyarakat.

3. ADAB MAJILIS AKAD NIKAH

3.1. Sebelum Majlis Akad Nikah

- (a) Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' hendaklah menepati masa sebelum, semasa dan selepas akad nikah yang telah dipersetujui dan ditetapkan.
- (b) Masa yang diambil bagi majlis pernikahan tidak melebihi 45 minit dari permulaan majlis sehingga penyerahan surat nikah sementara.
- (c) Sebelum menjalankan majlis akad nikah, Penolong Pendaftar hendaklah membuat persediaan yang mencukupi seperti memastikan teks khutbah nikah, pen, beg disediakan dan kenderaan yang akan digunakan untuk ke majlis akad nikah dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

3.2. Semasa Majlis Akad Nikah

- (a) Memulakan majlis dengan ucapan salam
- (b) Mewujudkan suasana tenang dan ceria
- (c) Mengingatkan tetamu yang hadir agar mematikan telefon bimbit, mengelakkan percakapan yang tidak berfaedah dan perkara-perkara lain yang boleh menjejaskan kelancaran majlis.
- (d) Penolong Pendaftar hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mengaibkan pengantin dan mereka yang berkaitan dalam majlis akad nikah tersebut sama ada dalam bentuk perlakuan, percakapan dan sebagainya.

- (e) Menggunakan gaya bahasa membimbing dalam menguruskan akad nikah seperti ketika meminta pengantin, wali dan saksi beristighfar.
- (f) Bergaul dan berkomunikasi dalam suasana yang mesra dengan mereka yang terlibat dan yang menghadiri majlis akad nikah berkenaan terutama pengantin lelaki.
- (g) Menggunakan bahasa yang jelas dan suara yang terang semasa khutbah, akad nikah dan ketika memberi penjelasan berhubung dengan nikah agar mudah difahami.
- (h) Menasihati jemaah supaya tidak bercampur antara lelaki dan perempuan dan menjaga batas-batas aurat.
- (i) Memberi perhatian sepenuhnya kepada majlis akad nikah.
- (j) Meraikan tuan rumah dan tetamunya mengikut kesesuaian.

3.3. Selepas Majlis Akad Nikah

- (a) Memastikan butiran di dalam borang ta'liq adalah tepat dan pihak-pihak menandatangani borang tersebut.
- (b) Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat.

4. ADAB UMUM

- (a) Taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, DYMM Sultan dan Raja-Raja
- (b) Sentiasa menjaga imej Jabatan dan peribadi
- (c) Mematuhi serta melaksanakan segala arahan dan dasar yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri
- (d) Sentiasa meningkatkan pengetahuan yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam, perundangan, peraturan serta kemahiran yang berkaitan dengan bidang tugas.
- (e) Tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan yang menyalahi undang-undang atau Hukum Syara'.
- (f) Memastikan segala urusan pernikahan adalah mengikut Undang-Undang Keluarga Islam yang berkuatkuasa di Malaysia.
- (g) Sentiasa memberikan layanan yang mesra kepada pihak yang berurusan dengannya.
- (h) Memelihara majlis akad daripada perkara-perkara yang boleh menjejaskan kelancaran akad nikah
- (i) Sentiasa memelihara konsep ilmu, iman dan amal dalam setiap amalan dan tugas yang diamanahkan.
- (j) Mengutamakan masalah dan kepentingan umum daripada kepentingan peribadi.

- (k) Tidak menyalahgunakan kedudukannya sebagai Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' bagi kepentingan peribadi dan keluarga.
- (l) Menjauhkan diri daripada terlibat dengan isu-isu yang boleh mendatangkan perpecahan dan keresahan masyarakat.
- (m) Memelihara integriti sebagai Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' dengan bersikap amanah.

5. ADAB KHUSUS

- (a) Sentiasa menepati janji dan masa.
- (b) Sentiasa memberi nasihat dan teguran dengan hikmah dan bersedia menerima teguran.
- (c) Sentiasa beramal dengan amalan-amalan yang baik dan menjauhi perkara-perkara yang mungkar.
- (d) Sentiasa memelihara maruah diri, ahli keluarga dan organisasi.
- (e) Berpakaian sopan, menurup aurat, kemas dan bersih seperti memakai jubah atau baju Melayu.
- (f) Menjaga kehormatan diri supaya disukai dan dihormati oleh masyarakat
- (g) Sentiasa peka kepada masalah dan keperluan ahli kariahnya.
- (h) Sentiasa dalam keadaan berwuduk ketika menjalankan akad nikah.
- (i) Sentiasa menjaga kesihatan diri dan bermanis muka.
- (j) Bersikap tidak memihak kepada mana-mana puak, kumpulan, jemaah dan parti politik.